

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-14
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-07-1991

Yang Berbahagia Puan Azah Aziz Tetamu Kehormat BAKTI Yang Berbahagia Puan Ranita Hussin
Penasihat Undang-Undang BAKTI Yang Berbahagia Tuan Haji Kamal Al-Yafie Juru Odit BAKTI
Saudari-saudari Ahli Biasa dan Besekutu BAKTI yang dikasihi.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Saya ingin dahulukan majlis ini dengan menyatakan kesyukuran kita kepada hadrat Illahi kerana peluang yang diberi sekali lagi untuk kita berkumpul dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Tahunan BAKTI yang ke-14 ini.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran saudari-saudari sekalian dan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin khasnya kepada tetamu kehormat BAKTI pada tahun ini.

3. BAKTI berumur 14 tahun kini. Kewujudan BAKTI pada tahun 1977 sebagai Badan yang kecil untuk mengutip wang bagi tujuan kebajikan, sekarang telah berkembang baik daripada segi objektifnya mahupun keahliannya. Sebagai Badan Kebajikan yang terdiri daripada isteri Menteri-menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Ketua-Ketua Dewan Parlimen dan Senat sahaja pada mulanya, sekarang BAKTI telah meluaskan keahliannya kepada isteri Setiausaha Parlimen dan juga kepada isteri bekas-bekas Anggota Kabinet sebagai Ahli-Ahli Bersekutu. Isteri Anggota Kabinet sebelum 1977 dijemput khas masuk BAKTI tetapi selepas 1977, isteri bekas Anggota Kabinet perlu memohon dahulu untuk Jawatankuasa Tadbir menimbang dan menerima mereka. Tentu sahajalah mereka yang aktif dan berjasa dalam BAKTI terdahulunya diterima sebagai Ahli Bersekutu dengan baik.

4. Objektif BAKTI pun berkembang luas kepada rancangan memajukan ahli-ahli dalam bidang pengetahuan, seni, sukan, tanpa membelakangkan objektif yang pertama BAKTI iaitu menggembelngkan tenaga mengutip wang untuk membuat kebajikan kepada masyarakat yang memerlukannya. Syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana BAKTI sentiasa dalam keadaan sihat walafiat daripada segi kemesraan ahli-ahlinya, kegiatannya, dan yang penting sekali daripada segi kewangannya.

5. Kegiatan-kegiatan BAKTI dijelaskan dalam Buku Cenderamata Mesyuarat tetapi kegiatan-kegiatan yang menarik pada sesi 1990/91 dengan ringkasnya ialah:- i) Walkathon pada 9 September 1990 di mana BAKTI telah mengutip sejumlah 1.24 juta ringgit bersih.

ii) Lawatan muhibah ke Indonesia pada awal Mac 1991 selama 6 hari sempena dengan Tahun Melawat Indonesia dengan tujuan mengeratkan tali perhubungan dan persaudaraan antara isteri pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara. Lawatan itu sempurna dengan tujuannya dan berjaya.

iii) Projek Bungkusan Hari Raya Aidil Fitri bagi Anggota Keselamatan Negara dan kepada orang-orang dan kanak-kanak miskin di kawasan ahli-ahli dianjurkan seperti biasa pada lewat Mac.

6. Sumbangan bantuan kepada masyarakat seluruh negara diteruskan dengan wang yang BAKTI dapati dan yang dikumpulkan daripada para dermawan. Lebih ramai lagi individu-individu, institusi-institusi, pelajar-pelajar dan badan sukarela dapat diberi bantuan. Sejumlah \$993,604.99 telah diagih-agihkan sepanjang sesi 1990/91.

7. BAKTI amat bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana kurniaan rezeki yang murah, tetapi yang amat penting sekali bagi BAKTI ialah kepercayaan dan keyakinan dermawan-dermawan terhadap objektif-objektif BAKTI dan ahli-ahlinya.

8. Sony (M) Sdn Bhd telah menyumbangkan 100 set TV dan VCR sebagai penghargaan Syarikat mereka kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia. Set-set TV dan VCR ini telahpun diagih-agihkan: 7 set setiap negeri seluruh negara, 1 set kepada Jabatan Orang Asli dan 1 set kepada Pusat Pendidikan bagi

kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran di Wilayah Persekutuan.

9. Yang amat menarik dan mencatatkan sejarah dalam usia BAKTI ialah sumbangan lembu dan biri-biri untuk korban oleh 4 hamba Allah sempena dengan Hari Raya Aidil Adha kepada Daerah-daerah yang termiskin di seluruh negara. Dengan sumbangan yang berharga hampir \$1 juta ini, dan dengan pertolongan dan kerjasama Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Haiwan peringkat Pusat, Negeri dan Daerah, 565 ekor lembu dan 1,190 ekor biri-biri telah diberi kepada 370 daerah yang tertentu di seluruh Negara pada 15/16 Jun 1991.

10. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu, institusi dan korporat yang telah mengangap BAKTI sebagai rakan dan membantu BAKTI dengan sumbangan, baik material mahupun wang dengan begitu murah hati.

Kepercayaan dan keyakinan mereka sentiasa dihargai dan amanah mereka kepada BAKTI tetap dipegang teguh.

Saudari-saudari yang saya hormati,

11. Majlis petang ini ialah Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan BAKTI yang ke-14 di mana anggota Jawatankuasa Tadbir baru akan dipilih sendiri oleh ahli-ahli BAKTI, kecuali Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua BAKTI.

Seperti lazimnya juga, seorang wanita kenamaan dalam negara dijemput khas untuk merasmikannya. BAKTI telah dihormati dengan wanita-wanita kenamaan dalam bidang sosial, penghakiman, diplomatik, politik dan kesusasteraan. Pada tahun ini, tetamu kehormat BAKTI ialah seorang yang terkenal kuat dalam bidang seni kebudayaan dan kesusasteraan.

12. Dilahirkan di negeri Johor daripada keluarga yang terkenal dan disegani, beliau mempunyai watak yang lemah- lembut dan 'modest', hingga sukar mencungkil hal peribadinya. Tetapi siapakah yang tidak kenal lagi beliau? 13. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1949 sebagai Pegawai Kebajikan di Jabatan Kebajikan Negeri Johor dan diikuti dengan jawatan Setiausaha, Jabatan Sains Sosial di Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1951. Tarikan kepada bahasa Melayu dan penulisan mula meresap dalam hati beliau, tambahan pula pengasuh dan pendorong beliau tidak asing daripada Pendita Za'aba sendiri. Daripada jawatan Setiausaha di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya Singapura pada tahun 1953, tetamu hormat kita menceburkan diri dari tahun 1957 dalam ilmu wartawan dan selama 16 tahun memegang jawatan Pengarang ruangan Dewan Wanita di Berita Harian dan empat setengah tahun lagi sebagai Pengarang dalam bahagian rencana (feature editor) di Utusan Malaysia/Utusan Melayu. Sambil itu beliau adalah penasihat kepada majalah "Wanita".

14. Selain daripada ilmu kewartawanan, beliau adalah pakar dalam kebudayaan tradisi Melayu yang dipertahankan dengan bersungguh-sungguh. Sesiapa yang telah biasa melihat koleksi pakaian tradisi (Melayu) akan faham bagaimana dalamnya kesenian Melayu, kebudayaan Melayu dan kesusasteraan Melayu tersemat dalam jiwa beliau.

15. Jawatan-jawatan yang beliau pegang membuktikan minat kuat beliau di dalam kraftangan Malaysia, perfileman Melayu, kebudayaan dan khazanah Melayu di Muzium Negara. Selain itu, beliau juga Ahli Tribunal Hakcipta 1987 hingga sekarang.

16. Beliau terkenal sebagai penerbit berbagai buku-buku puisi dan pantun untuk kanak-kanak dan juga buku-buku mengenai tradisi dan kraftangan untuk orang-orang dewasa. Sebagai wartawan dan ahli kebudayaan, beliau telah dikenali antarabangsa dan dijemput mengembara ke seluruh Eropah, Amerika Utara, Asia Tenggara dan Mesir.

17. Tidaklah kita hairan sekiranya beliau sentiasa dijemput dan dianggap sebagai pakar rujuk dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pakaian, seni jahitan tradisional dan sastera rakyat.

18. Dalam kesibukan kegiatan-kegiatan tertentu, beliau tidak mengasingkan diri daripada badan-badan wanita yang menghargai sumbangan pengalaman dan kepakaran beliau yang banyak. Beliau adalah Naib Presiden Institut Kemajuan Wanita Malaysia (IKWAN), ahli penaja Persatuan Wanita Universiti Malaya dan ahli penaja dan bekas Presiden Pertama (Persatuan Wartawan Wanita Malaysia) Saudari-saudari sekalian, 19. Tetamu kehormat kita petang ini ialah Yang Berbahagia Puan Azah Aziz, isteri kepada Yang Mulia Profesor Ungku Aziz bekas Naib Canselor Universiti Malaya. Sentiasa dikenali sebagai Kak Azah, Kak Azah merupakan seorang wanita Melayu yang terkenal dan yang disayangi selain daripada yang disegani oleh orang ramai. BAKTI amat berbangga dengan kehadiran Kak Azah di sini dan menunggu-nunggu nasihat dan syor-syor yang beliau akan sampaikan nanti.

20. Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kak Azah atas kesudian beliau bersama dengan kita dan berharap agar Kak Azah akan sentiasa berkecimpung dengan kita kelak.

21. Mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan ahli-ahli semua kerana hadir dan mengelolakan Majlis ini hingga sempurna dengan jayanya.

Sekian sahaja, wabillahi taufik, walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.